

ANAK TAK SAH TARAF

13 OKTOBER 2023 | 27 RABIULAWAL 1445H

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ
سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يُضِلَّهُ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Islam menganjurkan umatnya supaya berkahwin serta membina keluarga bahagia berlandaskan syariat dan bukan sekadar memenuhi nafsu semata-mata kerana perkahwinan yang sah berperanan mengelak perbuatan maksiat zina yang boleh melahirkan anak yang tak sah taraf.

Anak tak sah taraf adalah anak yang dilahirkan di luar pernikahan sama ada berpunca daripada perbuatan zina atau dirogol atau melalui cara saintifik yang bertentangan dengan hukum syarak. Anak tak sah taraf adalah juga anak yang dilahirkan kurang daripada enam (6) bulan dua (2) *lahzah* (saat) mengikut takwim qamariah daripada tarikh perkahwinan hingga lahirnya anak tersebut.

Dengan itu anak yang tak sah taraf tidak boleh dibinkan dengan bapa biologinya sebagaimana diputuskan oleh Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Negeri Pahang pada tarikh 10 November 2020 telah memutuskan dan mewartakan fatwa nasab ***“anak tak sah taraf hanya boleh dibinkan kepada Abdullah atau salah satu daripada Asmaul Husna sahaja bagi tujuan penyelarasan pendaftaran anak tak sah taraf dengan Jabatan Pendaftaran Negara”***.

Oleh yang demikian, Jabatan Pendaftaran Negara adalah jabatan yang diberi kuasa oleh Undang-undang melalui Seksyen 13, yang memperuntukkan pendaftaran kelahiran anak tak sah taraf bagi pasangan yang beragama Islam, juga tidak dibenarkan untuk dinasabkan kepada nama bapa biologinya.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta’ala

Firman Allah Subhanahu wa-Ta’ala dalam surah al-Furqan ayat 54 :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَهُوَ الَّذِي خَلَقَ مِنَ الْمَاءِ بَشَرًا فَجَعَلَهُ نَسَبًا وَصِهْرًا^ق وَكَانَ رَبُّكَ

قَدِيرًا

Yang bermaksud: “*dan Dia lah Tuhan Yang menciptakan manusia dari air, lalu dijadikannya (mempunyai) titisan baka dan pertalian keluarga (persemendaan); dan sememangnya Tuhanmu berkuasa (menciptakan apa jua Yang dikehendaki-Nya)”*”

Syariat Islam mengutamakan Nasab dan memerintahkan supaya ia dipelihara dan dijaga. Ia termasuk dalam lima prinsip Maqasid Syariah, di samping menjaga Agama, nyawa, akal dan harta. Atas sebab ini Syariat Islam mengharamkan zina, dan menganggapnya sebagai perbuatan terkutuk dan tercela.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta’ala

Zuriat dan keturunan wajib dijaga kerana ia merupakan nikmat Allah Subhanahu wa-Ta’ala kepada para hamba-Nya. Selain ia merupakan pengikat kasih di antara pasangan suami isteri dan keluarga, ia juga menjadi sebab kesyukuran dan kebanggaan dan pengukuh kepada satu generasi ke satu generasi tanpa terputus.

Oleh kerana itulah, kita disuruh untuk mengenang dan mengucapkan syukur kepada Allah Subhanahu wa Taala dan juga terhadap kedua ibu bapa kita. Firman-Nya dalam surah Luqman ayat 14:

وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَانَ بِوَالِدَيْهِ حَمَلَتْهُ أُمُّهُ وَهَنَا عَلَى وَهْنٍ وَفَصَّلَهُ فِي عَامَيْنِ
أَنْ أَشْكُرْ لِي وَلِوَالِدَيْكَ إِلَى الْمَصِيرِ ﴿١٤﴾

Yang bermaksud: “*Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya; ibunya telah mengandungnya dengan menanggung kelemahan*”

demikian kelemahan (dari awal mengandung hingga akhir menyusunnya), dan tempoh menceraikan susunnya ialah dalam masa dua tahun; (dengan yang demikian) bersyukur kepadaKu dan kepada kedua ibubapamu; dan (ingatlah), kepada Akulah jua tempat kembali (untuk menerima balasan)''.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Sekiranya anak tak sah taraf dibin atau dibintikan kepada bapa biologinya, maka ia boleh mengundang masalah yang lebih besar lagi antaranya ialah:-

- i. Perkahwinan anak tak sah taraf yang berwalikan bapa biologinya adalah tidak sah mengikut syarak. Kesannya berlaku kemusnahan dalam sistem zuriat keluarga yang menyebabkan berlakunya perzinaan secara berterusan berpunca daripada akad nikah yang tidak sah.
- ii. Kelahiran anak tak sah taraf akan berleluasa dalam masyarakat.
- iii. Akan melahirkan umat yang celaru keturunannya;
- iv. Dari segi pewarisan harta pusaka bahawa anak tak sah taraf tidak berhak mewarisi harta pusaka bapanya yang tak sah taraf dan hanya boleh mewarisi harta pusaka ibunya sahaja. Begitu juga sebaliknya, bapanya tidak berhak mewarisi pusaka anaknya yang tak sah taraf.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Adalah ditegaskan di sini bahawa anak tak sah taraf bukanlah hina dan dia tidak berdosa kerana bukan kesilapan dirinya tetapi kesilapan yang dilakukan oleh kedua orang tuanya. Ini kerana prinsip Islam, seseorang tidak menanggung dosa orang lain. Ertinya, jadikanlah anak-anak tak sah taraf ini sebagai warga yang patut dibela dalam masyarakat dengan memberikan pendidikan yang cukup,

nafkah dan menguruskan mereka supaya mereka tidak terkesan dengan tragedi menimpa diri mereka.

Umat Islam hendaklah memelihara nasab atau keturunan dengan mengelakkan diri daripada perzinaan bagi memastikan keturunan yang sah taraf. Semoga kita menjadikan golongan yang mendapat mardhatillah dalam melayari kehidupan ini.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَلَا تَقْرَبُوا الزَّيْنَىٰ إِنَّهُ كَانَ فَحِشَةً وَسَاءَ سَبِيلًا ﴿٣٢﴾

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.